

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN PELANCARAN PERBADANAN
KEMAJUAN PELANCUNGAN (TOURIST DEVE-
LOPMENT CORPORATION) DI BILIK GERAKAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERIN-
DASTRIAN WISMA DAMANSARA, KUALA
LUMPUR PADA 10^{HB} OGOS, 1972

Y.B. Encik Mohd. Khir Johari, Menteri Perdagangan dan Perin-
dastrian; Encik Burhanuddin, Pengerusi, Tourist Development
Corporation; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terimakasih di atas jemputan
untuk merasmikan pelancaran Tourist Development Corporation
ini. Penubuhan ini adalah satu langkah yang positif yang diambil
oleh Kerajaan untuk memajukan pelancungan di negara kita
supaya segala usaha-usaha dari pihak Kerajaan dan juga dari
kalangan swasta dapat digembelngkan untuk mencapai tujuan
yang mustahak ini.

Saya suka mengambil peluang ini menyatakan penghargaan dan
terimakasih saya kepada Ahli-ahli Majlis Perbadanan atau Tourist
Development Council ini. Saya harap dengan kerjasama daripada
semua pihak, khasnya ahli-ahli Majlis Perbadanan ini, usaha-
usaha di lapangan pelancungan akan dapat dijalankan dengan
lebih giat dan berkesan lagi.

Tugas utama Majlis ini ialah untuk menyedia dan menggubal
suatu dasar baru mengenai tourism atau to formulate our national
policy on tourism dan juga menentukan strateji dan guidelines
atau garis-garis panduan dan tindakan bagi meningkatkan promo-
tional activities dalam lapangan tourism dengan cara co-ordinated
approach bagi seluruh negara kita.

Malaysia adalah mempunyai potential yang besar dengan kein-
dahan alam semula jadi atau natural beauty dan kemudahan-
kemudahan perhubungan darat, laut dan udara—serta hotel
accommodation yang baik. Pada fikiran saya, semua ini mustahak
“dijual” dalam bentuk dan cara yang menarik di luar negeri

terutama sekali kepada negara-negara yang mempunyai pelancong-pelancung atau tourists yang ramai atau tourist generating countries seperti Amerika Syarikat, Eropah Barat, Jepun, Australia dan New Zealand.

Sungguhpun begitu, saya dukacita mendengar bahawa sehingga hari ini tourist promotion di negara kita belumlah berjalan dengan memberi kesan yang memuaskan. Malaysia adalah tertinggal di belakang dalam perlumbaan menarik pelancongan atau tourists berbanding dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan Singapura. Saya diberi tahu dalam tahun 1971, lebih dari 600,000 pelancong telah datang ke Singapura berbanding dengan 100,000 yang melawat Malaysia. (In 1971, more than 600,000 tourists came to Singapore compared to about 100,000 visiting Malaysia). Oleh itu dengan tertubuhnya Perbadanan atau Corporation ini, saya harap keadaan ini akan dapat dibaiki dan kita semua dapat menumpukan perhatian yang penuh dan lebih giat lagi untuk menjadikan negara kita tempat tumpuan pelancong-pelancung.

Pelancongan atau tourism adalah satu indastri yang boleh memberi faedah yang banyak kepada kita. Kita lihat banyak negara-negara di dunia seperti Eropah, dan di Asia juga yang telah mendapat faedah yang banyak dengan menumpukan usaha dalam lapangan pelancongan ini. Oleh itu saya harap kita tidak akan terkebelakang dalam lapangan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita bernasib baik kerana dalam tahun 1972 ini kita telah dapat memperkenalkan negara kita kepada dunia dengan adanya PATA Conference di Malaysia. Saya fikir tahun 1972 ini bolehlah dijadikan starting point yang mustahak dalam usaha kita untuk memajukan pelancongan di Malaysia. We should now take full advantage and reap the fullest benefit from the PATA Conference with effective follow-up programmes. Dengan rancangan-rancangan berkesan yang dilaksanakan hasil dari Persidangan PATA itu maka tidaklah akan timbul sungutan-sungutan dari Hoteliers bahawa bilik-bilik hotel mereka tidak berisi kerana kekurangan pelancong-pelancung.

Saya menaruh kepercayaan kepada Perbadanan ini dan kepada Pengerusinya, Encik Burhanuddin, supaya dapat melaksanakan matlamat-matlamat Perbadanan ini bagi mencapai tujuan negara

dalam lapangan pelancungan—to achieve our national goals in the field of tourism. This Corporation is being given authority to deal with all aspects of tourism and I would therefore like to stress to you that there is need for co-ordinated efforts and team-work by all concerned to achieve our goals. I have always stressed that the Government which I lead wants to see results. We want action and we want to see that our national goals in all fields of activities are achieved. Therefore, all of us will not only have to work together as a team but to have a new approach and new outlook in order to be able to forge ahead.

I have just launched the Gerakan Pembaharuan on the sixth of this month and this Gerakan Pembaharuan means that we have to change our out-look and approach in all aspects of national life and more so in Government. We who are serving this Government have to carry out our work with motivation and dedication; in the same way that the people are required to respond in the same spirit.

I have no doubt that with the establishment of this Corporation, we will see better results soon in this important field of tourism. Saya berharap Perbadanan ini bukan sahaja akan menumpukan usaha kepada tempat-tempat yang besar dan terkenal seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, akan tetapi akan menolong juga Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri atau SEDC seperti di Trengganu dan di Pahang di mana saya tahu ada Holiday Complexes seperti di Sura dan di Lanjut yang boleh dijadikan “Butlin Holiday Camp” untuk pelancung-pelancung dari luar negeri ataupun dalam negeri. Saya juga berharap Perbadanan ini akan memberi pertolongan dan bantuan kepada Persatuan-persatuan Pelancungan diserata daerah di negara kita.

Sambil menggalakkan pelancung-pelancung dari luar negeri, kita mustahak juga menggalakkan pelancung-pelancung dari dalam negeri dan menambahkan pelancung-pelancung dalam negara kita kerana dengan bertambahnya pelancung dalam negara kita adalah satu dalil yang menunjukkan bahawa taraf hidup rakyat telah meningkat tinggi.

Saya berharap kepada Perbadanan ini juga supaya menumpukan perhatian kepada usaha-usaha mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan daya penarik negara kita bagi menggalakkan pelancungan. Perbadanan ini diharap akan dapat mengadakan

new strategies untuk menggalakkan to attract bigger flow of tourists from the immediate region besides the well-known tourist generating countries.

Begitu juga saya harap Perbadanan ini akan menggalakkan Regional Tourism sebagaimana yang disyorkan oleh ASEAN Committee on Tourism. Syarikat Penerbangan kita, MAS, juga diharap akan "menjual" image yang baik bagi Malaysia di luar negeri. Dengan sebab itu, untuk mencapai matlamat-matlamat dalam lapangan ini, mustahaklah Perbadanan ini bekerjasama dan menyelaras usaha-usahanya dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Kementerian Perhubungan, Kastam, Imigresyen, Penerangan dan lain-lain. Pendeknya, co-ordinated approach dan co-ordination yang rapat dari semua pihak adalah mustahak untuk mencapai tujuan-tujuan serta matlamat-matlamat kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sekali lagi menegaskan bahawa negara kita adalah kaya dengan seni dan kebudayaan serta alam semula jadi—pantai yang indah terbentang, pulau-pulau taman rimba di Gunung Tahan dan Kinabalu—disamping hotel-hotel of international standard yang semakin banyak. Semua ini boleh diexploit dengan sepenuhnya dengan kerjasama semua pihak. Saya percaya dengan tertubuhnya Perbadanan ini, kemajuan pelancungan kita akan meningkat dan semua pihak khususnya pihak swasta akan dapat bersama-sama menerima faedah.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekali lagi saya menaruh harapan penuh kepada Perbadanan ini untuk melaksanakan dasar dan matlamat kita dalam lapangan pelancungan. But you have a heavy task ahead especially to make up for the loss of time and opportunities in the past. Akan tetapi, saya yakin dengan adanya Encik Burhanuddin sebagai Pengerusi Perbadanan ini yang telah mempunyai banyak pengalaman sebagai Trade Commissioner di New York dan di London, akan dapat memberi ketuaan atau leadership yang dinamik dan imaginative yang dikehendaki oleh Perbadanan ini. Saya percaya Encik Burhanuddin akan menjalankan tugasnya dengan penuh minat dan dedikasi.

Dengan harapan dan pesanan ini, saya sukacita merasmikan pelancaran Tourist Development Corporation ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang memberi hadiah kepada Tunku Abdul Rahman di Sri Taman pada 12hb Ogos, 1972.

(Gambar Jabatan Penerang Malaysia)